

12 OCT 2000

PPP-Undang-undang

PUAK DALAM PPP MAHU MESYUARAT AGUNG PARTI DIHALANG

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Pergolakan dalam Parti Kemajuan Rakyat Malaysia (PPP) memasuki episod baru hari ini setelah satu puak yang mendakwa sebagai pegawai parti yang sah, mengemukakan memorandum kepada pejabat Perdana Menteri.

Puak itu mahu mesyuarat agung tahunan parti itu yang dijadualkan pada 14 Okt ini dihalang kerana mendakwa "dengan mengadakan konvensyen itu, Datuk M. Kayveas (presiden PPP Baru) melanggar perintah mahkamah."

Memorandum itu dihantar kepada Pejabat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

Dalam memorandum yang ditandatangani oleh P.V.Das yang memperkenalkan dirinya sebagai "presiden", mendakwa PPP (Baru) bukan komponen tulin Barisan Nasional (BN) kerana ia tidak berdaftar mengikut Akta Pertubuhan seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Seremban tahun lepas.

"Pendaftaran No. 430 bukan milik PPP (Baru) kerana parti yang sah mengikut pendaftaran No. 430 ialah PPP yang ditubuhkan pada 1953, iaitu parti komponen BN.

"Dengan itu notis oleh PPP (Baru) untuk mengadakan mesyuarat pada 14 Okt mengikut pendaftaran No. 430 adalah batal dan tidak sah," katanya dalam memorandum itu.

Tahun lepas, Mahkamah Tinggi Seremban memerintahkan bahawa Kayveas bukan anggota PPP dan semua aktiviti yang dijalankan atas nama parti itu sejak 1993 adalah tidak sah termasuk pindaan kepada perlembagaan parti serta perubahan pada logo.

Berikutan itu, Kayveas memperolehi perintah penggantungan pelaksanaan daripada Mahkamah Rayuan ke atas perintah itu (Mahkamah Tinggi Seremban), sementara rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Seremban.

Das berkata walaupun perintah Mahkamah Tinggi Seremban digantung, ia belum diketepikan.

Beliau mendakwa Kayveas yang memanggil persidangan PPP mengikut pendaftaran No. 430, sebagai menghina mahkamah dan beliau sepatutnya menunggu sehingga rayuannya diputuskan.

Das mahu Dr Mahathir tidak merasmikan mesyuarat di bawah kepimpinan Kayveas sehingga Mahkamah Rayuan membuat keputusan.

-- BERNAMA

SR AZZ LAT